

# TAKLIMAT UNTUK IBU BAPA (P3 & P4)




# Ujian dan peperiksaan

	Penggal 1	Penggal 2	Penggal 3	Penggal 4
<b>P3</b>		15%	15%	70%
		WA Lisan (30 markah)	WA Kertas 2 (45 markah)	EYE Komponen akhir tahun (100 markah)
<b>P4</b>		30%		70%
		MYE Komponen pertengahan tahun (100 markah)		EYE Komponen akhir tahun (100 markah)




# TOS

Kertas	Kandungan	Jenis Item	Bil Item	Markah
<b>Kertas 1</b> <b>(40 min)</b> <b>15%</b>	Karangan Berdasarkan Gambar (Tidak kurang daripada <b>60/80</b> patah perkataan)	OE	1 soalan (4 Gambar)	15
<b>Kertas 2</b> <b>Penggunaan Bahasa &amp; Kefahaman</b> <b>(1 Jam 15 Min)</b>	Imbuhan	MCQ	5	10
	Peribahasa	MCQ	4	8
	Melengkap Teks	FIB	5	10
	Kefahaman 1 (P3/P4 berbeza)	MCQ	2/4	4/8
	<b>(Interaksi Penulisan) P4</b>	<b>OE</b>	<b>1</b>	<b>4</b>
	Kefahaman 2 (1 kosa kata)	OE	5 (1 Kosa Kata)	9




# TOS

Kertas	Kandungan	Jenis Item	Bil Item	Markah
Kertas 3	Pemadanan Gambar	MCQ	4/3	4/3
	Melengkapkan Dialog (P4 sahaja)	MCQ	1	1
	Kefahaman Mendengar Berdasarkan Teks	MCQ	6 1 teks 2 soalan	6
Kertas 4	Bacaan Lantang	Respons Lisan	1	10
	Penerangan Berdasarkan Gambar		1	10
	Perbualan Berkaitan		1	10
Jumlah			37	100



# Karangan



memberi buah-buahan	berasa gembira	gelojoh	melarang
sakit perut	bimbang	kllinik	diperiksa doktor

❖ Mengarang berdasarkan gambar.

- P3 – 60 patah perkataan (satu perenggan)
- P4 - 80 patah perkataan




# Imbuan

Bahagian A : Soalan 1 – 5

Kata Berimbuan ( 10 markah )

Arahan : Pilih perkataan yang sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan di bawah ini.

<p>Hanan berasa amat gembira pada hari itu. Dia dan keluarganya akan (1)_____ ke S.E.A Akuarium di Sentosa.</p>	<p>1. (1) menuju (2) setuju (3) tertuju (4) tujuan ( )</p>
<p>Di sana, Hanan gembira melihat keindahan tempat itu. Akuarium itu adalah yang (2)_____ di Asia.</p>	<p>2. (1) dibesarkan (2) membesar (3) sebesar (4) terbesar ( )</p>
<p>Hanan dapat (3)_____</p>	<p>3. (1) dilihat (2) kelihatan (3) melihat (4) terlihat ( )</p> <p>4. (1) bacakan (2) membaca (3) pembaca (4) terbaca</p>




# PERIBAHASA

## Bahagian B : Soalan 6 – 9 Peribahasa ( 4 markah )

Arahan : Setiap ayat di bawah ini menggambarkan maksud satu peribahasa. Padankan ayat tersebut dengan peribahasa yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan. Kemudian, tulis angka jawapan di dalam kurungan ( ) yang disediakan.

(1)	kaki ayam	(2)	mati akal
(3)	murah hati	(4)	kecil hati
(5)	lepas tangan	(6)	tanda mata
(7)	keras kepala	(8)	kaki bangku

6. Sebelum berpindah sekolah, Inara memberikan hadiah sebagai kenang-kenangan untuk rakan-rakan sedarjahnya. ( )
7. Farhana tidak tahu apa yang dia harus lakukan setelah dia membuat laporan polis untuk melaporkan yang adiknya tidak pulang ke rumah selama dua hari. ( )





**Belajar Peribahasa  
daripada senarai yang  
diberikan oleh guru  
sahaja!**



# PERIBAHASA



SN	Peribahasa	Maksud
1	ambil berat	memberikan perhatian
2	anak angkat	anak yang diambil dan dijadikan sebagai anak sendiri
3	anak emas	orang yang sangat disayangi
4	bawa nasib	mencari penghidupan di tempat lain
5	berat sebelah	tidak adil
6	besar hati	bangga atau gembira
7	buah tangan	barang yang dibawa sebagai hadiah
8	buruk siku	mengambil semula sesuatu yang pernah diberikan kepada seseorang
9	cakar ayam	tulisan yang buruk dan sukar dibaca
10	campur tangan	melibatkan diri dalam hal orang lain
11	cari jalan	berusaha untuk mencapai sesuatu perkara
12	fasih lidah	lancar berbicara dan betul sebutannya
13	hidung tinggi	sombong

SN	Peribahasa	Maksud
16	kaki bangku	tidak pandai bermain bola
17	kecil hati	tersinggung
18	keras kepala	degil
19	lepas tangan	tidak masuk campur dalam sesuatu hal
20	lurus akal	jujur
21	manis mulut	bercakap dengan lemah-lembut
22	mati akal	tidak tahu apa yang hendak dilakukan
23	muka tembok	tidak tahu malu
24	murah hati	suka memberikan bantuan
25	rendah hati	tidak sombong
26	ringan mulut	peramah/mudah menyatakan pendapat
27	ringan tulang	rajin bekerja
28	tajam akal	cepat menerima pelajaran
29	tanda mata	hadiah yang diberikan sebagai kenang-kenangan
30	otak udang	bodoh

# Golongan Kata

## Bahagian C : Soalan 10 – 14 Golongan Kata ( 10 markah )

Arahan : Pilih sepatah perkataan yang sesuai daripada senarai di bawah ini bagi mengisi tempat kosong. Tulis angka jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

kesihatan	memberitahu	muda	percaya
tetapi	tua	untuk	rajin

I

Encik Sufian berumur lapan puluh tahun. Walaupun umurnya sudah (10) \_\_\_\_\_, dia masih sihat. Sejak dahulu lagi, Encik Sufian (11) \_\_\_\_\_ bersenam. Senaman kegemarannya ialah berenang. Selain bersenam, diet juga penting untuk menjaga (12) \_\_\_\_\_. Setiap hari, Encik Sufian makan sayur-sayuran dan buah-buahan.

Encik Sufian (13) \_\_\_\_\_ anak-anaknya agar tidak makan makanan segera. Dia (14) \_\_\_\_\_ bahawa senaman dan diet yang berkhasiat akan membantu untuk mengekalkan badan yang sihat. Dia bersyukur kerana masih kuat dan sihat.




# KEFAHAMAN

Arahan: Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang mengikutinya dan tulis angka jawapan kamu di dalam kurungan ( ) yang disediakan.

Encik Roslan dan isterinya bekerja sebagai peniaga makanan. Gerai makanan mereka terletak di Tampines, dekat dengan sebuah pasar. Dahulu, mereka menjual makanan di kantin Sekolah Rendah Punggol.

Makanan yang dijual di gerai Encik Roslan sangat **sedap**. Kuih keria, puteri salad dan kuih lapis amat laku di gerainya. Encik Roslan memastikan semua pelanggannya berpuas hati apabila berkunjung ke gerainya. Encik Roslan dan para pekerjanya melayan pelanggan dengan baik dan sopan.

Suatu hari, ada seorang pelanggan yang membeli kuih kaswi. Harganya cuma sedolar. Pelanggan itu kelihatan tergesa-gesa. Dia terlupa mengambil baki wangnya. Encik Roslan segera mengejanya. Pelanggan itu berasa terharu di atas kejujuran Encik Roslan.



# KEFAHAMAN

P3 - 4 soalan MCQ

P4 - 2 soalan MCQ sahaja



15. Dahulu, Encik Roslan dan isterinya bekerja di \_\_\_\_\_.

(1) pasar

(2) Tampines



(3) gerai makanan

(4) Sekolah Rendah Punggol

( )

# INTERAKSI PENULISAN (P4)

17. Lina telah mengirim pesanan ringkas kepada Siti. Bayangkan kamu Siti. Jawab pesanan ringkas itu dengan menggunakan informasi dalam petikan di halaman \_\_\_. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan. (4 markah)



**ITEM  
UNTUK  
P4  
SAHAJA**



# KEFAHAMAN 2

## Kefahaman 2 ( 9 markah )

**ARAHAN:** Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab semua soalan yang mengikutinya. Tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

Pada petang Khamis lalu, semasa Umar berjalan pulang dari perpustakaan, hujan turun dengan lebatnya. Umar terlupa hendak membawa payung. Dia segera berteduh di sebuah perhentian bas. Dua orang wanita dan seorang lelaki berusia kira-kira tiga puluh tahun sedang menunggu bas di situ. Seorang murid perempuan pula berdiri berdekatan dengan lelaki itu. Ketika murid itu hendak mengeluarkan sehelai tisu dari dalam sakunya, dompetnya tercipir. Hanya Umar dan lelaki itu sahaja yang menyedarinya.

Belum sempat Umar berbuat apa-apa, lelaki tersebut segera mencapai dompet itu lalu membelek-beleknnya. Umar sangka lelaki itu hendak memulangkan dompet yang diambalnya itu kepada murid perempuan tadi.

Tiba-tiba, lelaki itu segera menaiki sebuah bas yang kebetulan sampai di stesen bas itu. Umar tercengang dan terperanjat melihat perbuatan lelaki itu. Dia sedar lelaki tadi telah mencuri dompet murid perempuan itu.



# KEFAHAMAN 2



18 Mengapakah Umar berteduh di sebuah perhentian bas? (2 markah)

---

---

---

19 Bagaimanakah dompet perempuan itu boleh tercicir? (2 markah)

---

---

---

20 Mengapakah Umar terperanjat dengan perbuatan lelaki itu? (2 markah)

---

---

---

# Kefahaman Subjektif



## Soalan:

Mengapakah Umar berteduh di perhentian bas? (2 markah)

## Jawapan:

- Umar berteduh di perhentian bas kerana hujan turun dengan lebat dan dia terlupa membawa payung.
- Hujan turun dengan lebat dan Umar terlupa membawa payung.



# KEFAHAMAN 2



## Soalan Kosa Kata

Terdapat **perkataan dalam petikan** yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

Contoh:-


(a) **Tidak diizinkan – dilarang** (jawapan ada di dalam teks)

# Kertas 3 – PEMADANAN GAMBAR



## BAHAGIAN 1

1.



( )

# Kertas 3 – MELENGKAPKAN PERBUALAN

Azman : Zaid, mari kita ke kantin. Saya ingin mengambil beg saya.

Zaid : Lihat beg hitam di bawah meja itu. Beg itu beg awakkah, Azman?

Azman : Itu bukan beg saya. Mungkin ada murid yang lupa membawa begnya pulang.

Zaid : Ah, itu Cikgu Hamzah! Apakah yang harus kita lakukan sekarang, Azman?

Azman : \_\_\_\_\_

4 Apakah respons paling sesuai yang patut diberikan oleh Azman?

- (1) Kita harus melaporkan hal ini kepada guru.
- (2) Kita tunggu dan lihat sahaja dahulu di kantin.
- (3) Kita buka beg itu untuk melihat kandungannya.

**ITEM  
P4  
SAHAJA**



# Kertas 3

## Kefahaman Mendengar berdasarkan teks



### Petikan 1

5. Zaki meminati silat \_\_\_\_\_.

1. sejak dia kecil lagi
2. sejak minggu memilih kegiatan kokurikulum diadakan
3. setelah menyaksikan persembahan silat di sekolahnya ( )

6. Dengan bersilat, Zaki akan \_\_\_\_\_.



1. mempunyai disiplin diri yang tinggi
2. disuruh membuat satu persembahan
3. mengajar cara-cara mempertahankan diri ( )



---

# Kertas 4 – LISAN



Pada suatu malam, hujan turun dengan lebatnya. Angin bertiup kencang dan guruh berdentum di langit. Azmil terkejut lalu terbangun dan matakuku terpandang suatu bayang. Aku terdengar suara memanggil namaku.

"Azmil, mari ke sini, kenapa kamu bangun?" Azmil terus menuju ke arah bayang itu. Dia mengajakku berjalan. Azmil cuma mengikut sahaja.

"Duduk di sini, nanti aku ambikan makanan," kata suara itu lagi.

Dengan matakuku yang kuyu, aku pun duduk. Sebentar kemudian bayang itu menghilang dan sebelah tangan menepuk bahunya dan berkata,

# Kertas 4 – LISAN





## BACAAN

Ketika membaca pastikan :

- Suara jelas dan kuat
- Sebutan dalam sebutan baku
- Intonasi yang sesuai
- Jeda – berhenti di tempat yang sesuai



# Kertas 4 - PENERANGAN Berdasarkan GAMBAR




# Kertas 4 – Perbualan berkaitan gambar

## Soalan

- Apakah aktiviti yang kamu lakukan pada waktu rehat?
  - Mereka akan diajukan soalan yang akan merangsang mereka untuk berbual dengan guru.
- **Jangan jawab tidak tahu atau tidak pernah.**
- **Lihat gambar** untuk mendapat idea.
- Perbualan **dua hala** - guru dan murid







<https://forms.gle/5BFTbxSkspAXq9nU9>

Please scan the QR Code for your feedback.

Thank you.



**THANK  
YOU**